

28 JUL 2002

Asean-Sekretariat/I

AMM BINCANG HASRAT MALAYSIA JADI TUAN RUMAH SEKRETARIAT ASEAN+3

Oleh: Jackson Sawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Julai (Bernama) -- Hasrat Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi Sekretariat Asean+3 telah dimasukkan dalam agenda perbincangan pada Mesyuarat Menteri-menteri Asean (AMM) yang bermula di sini esok, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sambil menyifatkan perkara itu sebagai sesuatu yang positif, beliau berkata perkembangan terbaru ini telah membawa cadangan itu "kepada pengetahuan umum".

"Asean+3 akan dibincangkan dan Kuala Lumpur telah menawarkan diri untuk mengkaji dengan lebih mendalam cara-cara untuk menubuhkan sekretariatnya," kata Syed Hamid pada taklimat media sejurus tiba di negara ini petang ini untuk menghadiri AMM Ke-35.

Malaysia dikatakan berhasrat untuk menjadi tuan rumah sekretariat itu dan perkara ini telah dimasukkan ke dalam draf kenyataan bersama yang akan dikeluarkan pada akhir AMM pada tengah hari Selasa.

Adalah difahamkan, dalam kenyataan bersama itu, para menteri luar Asean juga melahirkan harapan agar sekretariat Asean yang berpejabat di Jakarta turut diperkembangkan walaupun Kuala Lumpur menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sekretariat Asean+3.

Syed Hamid berkata: "Sekurang-kurangnya kita sudah meletakkan perkara itu dalam agenda yang akan dibincangkan...sebelum ini, ia tidak pernah dibincangkan (seperti itu). Semasa mula membincangkan Asean+3, tidak terdapat sebarang persetujuan, tapi Kuala Lumpur tetap meneruskannya," kata beliau.

Asean+3 yang dilihat sebagai versi Kumpulan Ekonomi Asia Timur atau EAEG yang lebih kemas dan diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempertemukan kesemua 10 negara anggota Asean bersama Jepun, China dan Korea.

Syed Hamid berkata: "Kita ingin ia direkodkan...jika tidak ia hanya berlegar di kalangan mereka yang berkuasa. Kita mahu ia diketahui umum yang ia telah dibincangkan tetapi belum sampai ke peringkat membuat keputusan."

Ditanya tentang pendapat yang mengatakan Sekretariat Asean+3 yang dicadangkan itu akan "membayangi" sekretariat Asean di Jakarta, Syed Hamid berkata: "Saya rasa negara anggota yakin tentang pentingnya sekretariat ini...ia tidak ditolak.

"Dan saya tidak fikir perbincangan yang diadakan ialah mengenai kebimbangan yang ia akan membayangi (sekretariat di Jakarta)...saya tidak fikir ini akan terjadi kerana Asean beroperasi secara tersendiri."

Katanya Asean+3 adalah sesuatu yang berbeza sama sekali dan sekiranya tiada sebarang usaha dibuat ke arah penubuhan sekretariatnya, negara-negara "campur tiga" yang berkenaan mungkin menganggap Asean tidak bersungguh-sungguh melaksanakan usahanya.

Syed Hamid berkata isu yang bermain di fikiran negara anggota lebih bertumpu kepada soal bagaimana rupanya Sekretariat Asean+3 ini kelak.

Mengulas pilihan yang ada iaitu meletakkan Asean+3 di bawah biro atau unit di bawah bidang kuasa Sekretariat Asean yang berpejabat di Jakarta, Syed Hamid berkata langkah itu tidak akan mencerminkan betapa pentingnya Asean+3.

"Kita berpendapat sekiranya kita berbuat demikian, fokusnya menjadi berbeza. Kita mahu Sekretariat Asean memberi fokus kepada kegiatan Asean manakala sebuah sekretariat lagi memberi tumpuan kepada konteks Asean+3 yang lebih luas dan bukan sekadar tambahan kepada Sekretariat Asean," kata

beliau.

Syed Hamid berkata di samping membincangkan perkara itu pada AMM, beliau juga akan berbincang mengenainya pada pertemuan para Menteri Luar Asean yang berlangsung tengah hari esok.

-- BERNAMA

JS SP PR